

29/11/1999

BN pantau keputusan pilihan raya

KUALA LUMPUR, Ahad - Barisan Nasional (BN) menyediakan satu bilik gerakan khas di bangunan Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini bagi memantau keputusan pilihan raya umum ke-10 esok.

Kebanyakan pemimpin tertinggi BN termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan berada di bilik gerakan berkenaan dan akan mengadakan persidangan video dengan pemimpin BN peringkat negeri, dari semasa ke semasa.

Setiausaha Kerja BN, Datuk Yaakob Mohamad, berkata kira-kira 150 petugas yang terdiri daripada kakitangan ibu pejabat Umno dan Jabatan Perdana Menteri, akan bertugas mengambil keputusan pilihan raya di bilik gerakan itu.

Beliau menjangka keputusan pilihan raya akan diterima mulai jam 9 malam ini.

(END)